



Menteri Besar Kedah yang baharu, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah, ternyata bijak dalam mengambil pendekatan terbaik untuk menyelesaikan kemelut politik Kedah apabila mengambil keputusan untuk mengekalkan Exco di bawah pentadbiran mantan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Matahir. Tidak ada sebarang pelantikan muka baharu seperti yang dijangkakan oleh pemerhati politik sebelum ini. Beliau hanya melakukan rombakan kecil dalam portfolio bagi memantapkan pentadbirannya.

MOHD SYAIFUL AZIM MUSTAFAH

**P**ERKEMBANGAN tersebut sekali gus menutup segala tanda tanya, terutama berhubung dengan nasib tiga orang Exco yang sebelum ini menyuarakan sokongan secara terbuka kepada kepimpinan Datuk Seri Mukhriz. Tiga Exco tersebut ialah Datuk Norsabrina Mohd Noor, Datuk Aminuddin Omar dan Datuk Suraya Yaacob. Tindakan Datuk Seri Ahmad Bashah mengekalkan mereka dilihat sebagai tindakan berani dan patut dipuji. Sebagai orang lama dalam politik dan pernah memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, iaitu ketika Kedah berada di bawah pemerintahan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), beliau lebih memahami selok-belok politik negeri Kedah.

Walaupun banyak pihak meragui kemampuannya dan menjadikan kelayakan akademiknya sebagai bahan gurauan dan dipersendakan dalam media sosial, mereka yang mengenali Datuk Seri Ahmad Bashah, terutama dalam kalangan pengundi di kawasan yang diwakilinya, iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) Bakar Bata, Menteri Besar Kedah yang baharu ini cukup dihormati. Beliau terkenal sebagai orang yang gemar mendekati rakyat, tidak suka berprotokol kerana menganggap protokol hanya akan menjauhkan dirinya dengan rakyat.

Apabila menjadi menteri besar, beliau tidak mahu rakyat berasa segan untuk berjumpa dengannya dan tidak ada apa

apa yang membezakan antara beliau yang dahulu dengan sekarang. Beliau menganggap tanggungjawab beliau pada masa ini jauh lebih berat dan besar – memikul amanah rakyat untuk memajukan Kedah selain memastikan Kedah terus berada di bawah kepimpinan Barisan Nasional (BN).

Apa-apa pun reaksi rakyat Kedah mengenai pelantikan beliau, Datuk Seri Ahmad Bashah perlu diberi ruang dan peluang untuk membuktikan kepada rakyat Kedah bahawa pemilihan beliau mengantikan Datuk Seri Mukhriz pilihan yang tepat. Paling penting adalah untuk memulihkan kembali politik Kedah dengan memberikan tumpuan sepenuhnya untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat. Pada hakikatnya, tanggungjawab beliau cukup besar dan berat.

Turunnya Datuk Seri Mukhriz sebagai Menteri Besar Kedah menjadikan rakyat Kedah berpecah. Hal itu tidak boleh ditolak oleh mana-mana pihak. Hal inilah yang perlu diperbetulkan oleh Datuk Seri Ahmad Bashah dengan bantuan dan sokongan Exco di bawah pentadbirannya. Oleh itu, langkah beliau tidak memecat Exco yang setia dengan Datuk Seri Mukhriz menunjukkan bahawa beliau lebih mementingkan kesatuan dan keutuhan politik Kedah berbanding dengan agenda dan kepentingan peribadi. Hal



Ahmad Bashah semasa menerima watakah pelantikan sebagai Menteri Besar Kedah yang baharu.



Mukhriz terpaksa berundur selepas hilang keyakinan daripada anggota ADUN dan ahli parlimen.

ini dilihat sebagai kelebihan dan kekuatan Datuk Seri Ahmad Bashah walaupun pada awalnya, terutama pada pandangan mereka yang kurang mengenali beliau secara peribadi, kemampuan beliau diragui.

Kita tidak boleh menolak hakikat bahawa kejayaan BN menguasai Kedah pada pilihan raya umum (PRU) lalu ialah hasil usaha beliau sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri pada ketika itu. Walau apa-apa pun tanggapan banyak pihak terhadap tahap pendidikannya, beliau tidak pernah ambil peduli. Baginya, beliau sudah membuktikan bahawa dirinya cukup layak untuk menjadi Menteri Besar Kedah yang ke-12.

Beliau cukup memahami scenario politik Kedah berbanding dengan pemimpin politik Kedah yang lain. Baginya, budaya politik Kedah jauh berbeza daripada negeri lain kerana apa-apa yang dimahukan oleh rakyat Kedah ialah pemimpin yang dekat dengan rakyat dan memahami denyut nadi rakyat. Kualiti tersebut ternyata ada pada Datuk Seri Ahmad Bashah.

Menyingskap kembali perjalanan politik beliau, Datuk Seri Ahmad Bashah antara pemimpin UMNO negeri yang paling kanan apabila menjadi ADUN Bakar Bata (dahulu Alor Merah) untuk lima penggal sejak tahun 1995. Beliau juga pernah menjadi Exco kerajaan negeri untuk dua penggal, iaitu sejak tahun 1999 hingga 2008. Selepas PRU ke-13, pada tahun 2013, beliau dilantik sebagai senator dan juga timbalan menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, sebelum melepaskan kedua-dua jawatan tersebut untuk memberikan tumpuan kepada tugas baharunya sebagai Menteri Besar.

Sebagai orang paling kanan dalam politik Kedah pada ketika ini, beliau tidak mempunyai banyak pilihan untuk memastikan Kedah terus kekal di bawah pemerintahan BN. Kejayaan menumpaskan PAS dengan majoriti mudah pada PRU lalu menunjukkan bahawa rakyat Kedah semangnya menginginkan perubahan. Pelantikan Datuk Seri Mukhriz pada ketika itu juga dilihat sebagai pilihan yang tepat.

Sebagai pemimpin muda, Datuk Seri Mukhriz mempunyai jiwa yang besar untuk merealisasikan apa-apa

yang diinginkan oleh rakyat Kedah. Begitu pun, kemelut politik negara yang berlaku sedikit banyak memberikan tempas kepadanya. Bukan untuk menafikan kebolehan Datuk Seri Mukhriz, tetapi tidak dinafikan bahawa beliau tersepit antara memberikan kesetiaan kepada pemimpin tertinggi negara dengan rasa hormat dan sayangnya kepada bapa beliau, Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang secara terbuka mengkritik kepemimpinan tertinggi kerajaan.

Pemimpin politik Kedah melihat scenario tersebut tidak baik untuk Kedah dan Datuk Seri Mukhriz dilihat sering memberikan jawapan yang selamat pada setiap kali ditanya akan pandangannya terhadap kritikan bapanya kepada kepimpinan tertinggi kerajaan. Apabila hampir keseluruhan kepimpinan UMNO Kedah, termasuk anggota ADUN dan ahli parlimen daripada UMNO, menyatakan secara terbuka bahawa mereka hilang keyakinan terhadap Datuk Seri Mukhriz, sebagai menteri besar dan pengerusi badan perhubungan UMNO negeri, mesej yang ingin disampaikan oleh UMNO Kedah adalah jelas – menolak Datuk Seri Mukhriz demi mempertahankan kesatuan dan masa hadapan UMNO Kedah, terutama bagi menghadapi PRU akan datang.

Sebagai veteran politik, Datuk Seri Ahmad Bashah lebih memahami situasi tersebut dan implikasinya terhadap politik Kedah pada keseluruhannya. Kejayaan menumbangkan PAS pada PRU ke-13 bukan diperoleh dengan cara yang mudah. Sudah banyak yang dikorbankan dan pengorbanan tersebut perlu dipertahankan apatah lagi beliau sendiri terlibat secara langsung dalam memastikan kemenangan BN.

Tanggungjawab yang terletak pada bahu beliau selepas ini cukup berat dan mencabar. Pada ketika ini, BN menguasai 21 kerusi DUN, PAS lapan kerusi, Parti Keadilan Rakyat empat kerusi, DAP dua kerusi, manakala satu kerusi milik Parti Amanah Negara. Jumlah tersebut belum boleh dijadikan petunjuk mudah untuk BN menghadapi PRU akan datang kerana kemelut politik yang melanda negara memungkinkan berlakunya perkara di luar daripada jangkaan. Oleh itu, pilihan terbaik untuk menyelamatkan UMNO Kedah, termasuklah melakukan perubahan walaupun sebenarnya agak pahit untuk ditelan.